

BCG HALAL BRAND



**GARIS PANDUAN PENSIJILAN BAGI SIJIL HALAL
DAN LABEL HALAL BRUNEI DARUSSALAM**

**GARIS PANDUAN
PENSIJILAN BAGI PENGGUNAAN
JENAMA BRUNEI HALAL**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

BCG Halal Brand

Hak Cipta Terpelihara

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

GARIS PANDUAN PENSIJILAN BAGI PENGUNAAN JENAMA BRUNEI HALAL

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam**

ISBN 00017-38-37-1



ISI KANDUNGAN

Mukasurat

Ahli Jawatankuasa	ii
Ahli Kumpulan Kerja	iii
Kata Alu-Aluan	1
1. Skop	2
2. Penerangan	2
3. Definisi	2
4. Syarat-syarat untuk Penggunaan Jenama Brunei Halal	3
5. Rangkaian Produk	3
6. Prosedur Penggunaan bagi Jenama Brunei Halal	4
7. Semakan Permohonan	4
8. Kontrak	5
9. Bayaran	5
10. Prosedur Semakan	6
11. Prosedur Penamatan	6
12. Senarai Syarikat	6
13. Pertanyaan	6
14. Rujukan	7

Lampiran

1. Senarai Produk Makanan Untuk Dimasukkan Ke Dalam Jenama Brunei Halal	8
2. Borang Permohonan Untuk Menggunakan Jenama Brunei Halal	10
3. Carta Aliran Proses Permohonan Menggunakan Jenama Brunei Halal	14
4. Label Halal	15

Ahli Jawatankuasa

Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Standard dan Garis Panduan Kebangsaan bagi Makanan Halal telah diamanahkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menyediakan Garis Panduan ini. Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal adalah terdiri daripada :

Setiausaha Tetap (Pengerusi)	Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Setiausaha Majlis Ugama Islam (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Hal Ehwal Syariah (Timbalan Pengerusi Bersama)	Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pengarah Unit Perundangan Islam	Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan.
Pengarah Pertanian	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Ketua Bahagian Pembangunan Agro-Teknologi	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Ketua Bahagian Ternakan dan Perkhidmatan Veterinar	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Ketua Pegawai Penyelidik Ugama	Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Ugama Kanan	Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
Pegawai Projek Kanan	Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian.
Timbalan Penasihat Undang-Undang	Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri.
Pegawai Tugas-Tugas Khas	Kementerian Pembangunan.
Timbalan Dekan	Universiti Brunei Darussalam.
Pengurus	BMC Food Industries Sdn. Bhd.
Pengarah Eksekutif	PDS Abattoir Sdn. Bhd. dan PDS Meat Industries Sdn. Bhd.
Pengurus	Mulaut Abattoir Sdn. Bhd.
Pengurus	Sabli Food Industries (B) Sdn. Bhd.

Ahli Kumpulan Kerja

Kumpulan Kerja Garis Panduan Pensijilan Halal, yang menyediakan Garis Panduan Pensijilan bagi Sijil Halal dan Label Halal Negara Brunei Darussalam adalah terdiri dari wakil-wakil berikut:

Pengiran Hajah Rosidah binti Pengiran Haji Metussin
(Pengerusi)

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar

Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Awang Haji Kasim bin Haji Mohamad

Jabatan Hal Ehwal Syariah,
Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

Pengiran Hajah Masliati binti
PSJ Pengiran Haji Abdul Mumin

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

Dayang Hajah Rokiah binti Haji Omar

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

Dr. Kasumawati binti Haji Md. Ja'afar

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

Dayang Hajah Roainah binti Haji Abdul Rahman

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

Dayang Hajah Siti Raihani binti Haji Abdul Hamid

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan

KATA ALU-ALUAN

Jenama Brunei Halal adalah suatu inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Pembentukan Jenama Brunei Halal adalah sejajar dengan usaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk bergerak ke arah ekonomi yang pelbagai, bersaing dan berkekalan dan untuk memenuhi tanggungjawab 'Fardhu Kifayah' dengan menambahkan bilangan makanan yang disahkan Halal untuk umat Islam.

Melalui Jenama Brunei Halal, Kerajaan Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk menjadi salah satu pemain utama di dalam perdagangan global di bidang pengeluaran dan pensijilan makanan Halal.

Dengan latar belakang keislaman Negara Brunei Darussalam yang kuat dan menjunjung falsafah rasmi kebangsaan sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, pasaran global boleh yakin terhadap ketelitian dan kredibiliti Pensijilan Halal Negara Brunei Darussalam.

Garis Panduan Pensijilan bagi Penggunaan Jenama Brunei Halal telah disediakan oleh Kumpulan Kerja Garis Panduan bagi Pensijilan Halal.

Pematuhan terhadap dokumen garis panduan ini tidak dengan sendirinya memberi imuniti dari tanggungjawab undang-undang.



1. SKOP

Garis Panduan Pensijilan bagi Penggunaan Jenama Brunei Halal ini hanya bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada pensijilan bagi penggunaan Jenama Brunei Halal dan tidak memberikan satu lesen, sama ada secara terang atau tidak, untuk menggunakan Jenama Brunei Halal.

2. PENERANGAN

Jenama Brunei Halal adalah inisiatif Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan. Dalam inisiatif ini, Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah mencipta suatu imej komersial baru bagi makanan Halal. Produk makanan yang berkualiti tinggi yang disahkan Halal boleh menggunakan Jenama Brunei Halal ini. Inisiatif ini merangkumi produk-produk tempatan dan luar negara.

3. DEFINISI

Bagi tujuan garis panduan ini, definisi berikut hendaklah diguna pakai:

3.1 Halal

Benda atau perbuatan yang dibenarkan oleh Hukum Syara' dan tidak akan dikenakan azab kepada orang-orang melakukannya.

3.2 Majlis

Majlis bermaksud Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggai 77).

3.3 Jawatankuasa Pengurusan

Jawatankuasa Pengurusan bermaksud Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk menyelia operasi teknikal dan komersial program Jenama Brunei Halal.

